

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah penurunan nilai ringgit berbanding dengan mata wang dunia lain akan mempengaruhi daya saing syarikat Malaysia untuk mengembangkan perniagaan dan melabur di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai ringgit menyusut berbanding mata wang utama dan serantau dalam

tempoh sembilan bulan pertama 2015. Ringgit serta kebanyakan mata wang utama dan serantau secara amnya berada pada trend menurun disebabkan oleh pengukuhan dolar AS berikutan aktiviti ekonomi AS yang bertambah baik dan jangkaan kenaikan kadar faedah. Ketidaktentuan perkembangan ekonomi di Greece dan kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi China serta penurunan yuan pada bulan Ogos turut menjejaskan prestasi mata wang serantau. Tambahan pula, ringgit mengalami penurunan lebih ketara dalam tempoh tersebut disebabkan kejatuhan harga komoditi dunia dan faktor tempatan.

1. Sungguhpun demikian, dalam keadaan pergerakan mata wang ringgit ini, ianya tidak menjejaskan aktiviti pelaburan syarikat Malaysia di luar negara. Perkembangan ini dicerminkan oleh peningkatan kedudukan pelaburan langsung di luar negara dari RM500.5 bilion dalam tempoh suku pertama 2015 kepada RM522.3 bilion dalam tempoh suku kedua. Kedudukan ini jelas menunjukkan daya saing syarikat Malaysia tidak terjejas dengan penyusutan nilai mata wang ringgit.

Untuk makluman Ahli- Ahli Yang Berhormat,

1. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang berlaku dalam pergerakan matawang seperti ringgit, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.